

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, 21 March, 2017 3:08 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; HEP - Pusat Pembangunan Kerjaya
Subject: PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA (CDC) ONLINE: LEBIH 300 MAHASISWA MENGIKUTI KURSUS GRADUATE EMPLOYABILITY ENHANCEMENT (G2E) BAGI RESUME CLINIC BERSAMA JOBSTREET.COM



21 MAC 2017, SELASA | 22 JAMADILAKHIR 1438H



PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA (CDC) ONLINE: Lebih 300 mahasiswa menghadiri *Kursus Graduate Employability Enhancement (G2E)* bagi *Resume Clinic* bersama *JobStreet.com* anjuran Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC).

Untuk sesi 1, seramai 324 pelajar yang hadir memenuhi DKG 3/1 bagi mengikuti kuliah dan kursus. Setiap mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian di UUM amat digalakkan untuk menyertai kursus ini kerana ia banyak memberi pendedahan tentang penulisan *resume* untuk permohonan perkerjaan kelak.

Kursus ini diadakan bagi mendedahkan mahasiswa kepada penulisan *resume* yang relevan dengan program pengajian yang diambil serta aspek penampilan diri pelajar sebelum dan semasa menghadiri temu duga sebagai persediaan awal mahasiswa sebelum menempuhi alam kerjaya yang sebenar.

Di samping itu, kursus ini juga bertujuan bagi melengkapkan mahasiswa khususnya dengan kemahiran tambahan yang memudahkan mereka memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian.

Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Edmund Tan yang merupakan Campus & Events Specialist di JobStreet.com.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH
Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.